


Suara

MITASA



PEMANGKIN KEJAYAAN BERSAMA



OMBUDSMAN
DAN UNIVERSITI

MESYUARAT AGUNG
TRI TAHUNAN MITASA
2025-2028

MAJLIS SAMBUTAN HARI
DAN BULAN AKADEMIKA
UITM 2025

PEMBENTANGAN LIMA KERTAS KERJA
KESETERAAN PENYELIAAN MELIBATKAN
KENAIKAN PANGKAT

WACANA TOKOH: BAHASA DAN JATI DIRI
BANGSA DI KONVENSYEN 152 PERINGKAT
KEBANGSAAN 2025

Takaful Mikro untuk siapa?

Dr Asiah Binti Kamal

Pensyarah Akademi Pengajian Islam
Kontemporari (ACIS)

Takaful mikro ditakrifkan sebagai takaful untuk golongan miskin. Skim ini merujuk kepada pasaran tertentu yang dikhaskan kepada kumpulan masyarakat yang mempunyai pendapatan rendah dan golongan miskin. Tujuan utama takaful mikro diperkenalkan adalah bagi membantu golongan yang berpendapatan rendah supaya turut mempunyai hak untuk mendapatkan perlindungan (protection) dan keselamatan (security) apabila ditimpa sebarang musibah. Takaful mikro juga bertujuan membantu dan bukan untuk mendapatkan keuntungan semata-mata.

Selain itu, takaful mikro merupakan caruman kecil yang mempunyai potensi besar untuk meningkatkan jumlah pemegang polisi atau peserta. Istilah takaful mikro dianggap sinonim dengan bantuan bersama. Oleh itu, takaful mikro berfungsi sebagai mekanisme kemanusiaan, perniagaan atau kedua-dua sekali. Demikian, definisi takaful mikro boleh diringkaskan sebagai penawaran takaful berkos rendah yang ditawarkan kepada golongan miskin dan berpendapatan rendah dengan tujuan memberi perlindungan risiko yang sesuai kepada golongan ini.

Sasaran Penawaran Takaful Mikro

Takaful mikro atau insurans mikro dapat dikaitkan dengan sasaran penawaran yang melibatkan kumpulan berikut:





Sasaran kepada Orang Miskin dan Berpendapatan Rendah

Takaful mikro menyediakan perkhidmatan takaful kepada golongan miskin di negara-negara miskin dan sedang membangun. Takaful mikro mensasarkan bahaya (peril) secara khusus yang mempengaruhi isi rumah berpendapatan rendah. Hal ini kerana golongan berpendapatan rendah terkecuali daripada polisi takaful yang terdapat di pasaran disebabkan harga yang mahal dan tidak mampu disertai oleh golongan ini. Begitu juga dengan takaful kesihatan mikro menyediakan perkhidmatan kepada negara-negara yang berpendapatan rendah dan sederhana untuk mencapai liputan kesihatan secara meluas.

Perlindungan takaful seperti takaful mikro yang berkos rendah adalah bersesuaian dengan keperluan peserta yang berpendapatan rendah dengan memberi perkhidmatan yang adil kepada semua lapisan masyarakat untuk menguruskan risiko yang sepatutnya ditawarkan oleh syarikat takaful. Selain itu, takaful mikro merupakan skim perlindungan yang dapat memberi perlindungan kepada isi rumah berpendapatan rendah yang terdiri daripada peniaga dan petani kepada akses kecairan selepas berlaku bencana. Sekali gus dapat melindungi kehidupan golongan ini membina kehidupan semula.

Sasaran kepada Sektor tidak formal

Perlindungan takaful mikro memberi tumpuan kepada pekerja dalam sektor tidak formal yang sebahagian besarnya tidak dilindungi. Takaful mikro merupakan instrumen pengurusan risiko kewangan yang berkesan serta dapat membantu sektor tidak formal untuk mengurangkan risiko kesusahan dan kemiskinan. Sektor tidak formal melibatkan pekerjaan sebagai petani, peniaga kecil atau usahawan mikro.

Takaful kesihatan mikro menyediakan perkhidmatan kepada negara-negara yang berpendapatan rendah dan sederhana untuk mencapai liputan kesihatan secara meluas kepada pekerja di sektor tidak formal. Secara ringkasnya, penyertaan takaful mikro adalah daripada kumpulan yang mempunyai kekurangan dari aspek dana, pendidikan dan pekerjaan. Tambahan pula, takaful kesihatan mikro ditawarkan dengan caruman yang rendah dan mengikut tahap pendapatan kumpulan ini. Oleh itu, takaful kesihatan mikro dapat disasarkan secara menyeluruh tanpa mengabaikan kumpulan masyarakat tertentu dalam sesebuah negara. Takaful mikro juga mensasarkan kepada kumpulan yang tidak berkemampuan untuk menyertai takaful dan takaful sosial. Oleh itu, takaful mikro sering dikaitkan dengan golongan miskin, berpendapatan rendah dan bekerja di sektor tidak formal yang pada kebiasaannya bekerja sebagai petani, peniaga kecil dan usahawan mikro.

PERFECTION IS NOT ATTAINABLE.

**BUT IF WE CHASE PERFECTION,
WE CAN CHASE**

EXCELLENCE.